



MALAYSIA



**Warta Kerajaan**  
**SERI PADUKA BAGINDA**  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 32  
No. 26

**29hb Disember 1988**

**TAMBAHAN No. 73**  
**PERUNDANGAN (A)**

**P.U. (A) 464.**

**AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971**  
**PERATURAN-PERATURAN PEMASARAN IKAN (PINDAAN) 1988**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 4 (2) dan seksyen 23 Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971, *Akta 49.* Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemasaran Ikan (Pindaan) 1988** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuasa pada 1hb Julai 1988. Nama dan mula berkuat-kuasa.

2. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Pemasaran Ikan 1973, yang dalam Peraturan-Peraturan ini disebut "Peraturan-Peraturan ibu", adalah dipinda— Pindaan peraturan 2. P.U. (A) 381/73.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "berniaga" takrif baru yang berikut:

'"eksport" ertinya membawa keluar atau menyebabkan dibawa keluar dari Kawasan Kawalan apa-apa ikan melalui darat, laut atau udara, di dalam kenderaan, vesel atau pesawat udara;';

(b) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "ikan" takrif baru yang berikut:

'"import" ertinya membawa masuk atau menyebabkan dibawa masuk ke dalam Kawasan Kawalan melalui darat, laut atau udara, di dalam kenderaan, vesel atau pesawat udara;';

P.U. (A) 470.

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968**

**PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (PEGAWAI-  
PEGAWAI DIPLOMAT DAN KONSUL (SUMPAH  
DAN FEE)) 1988**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15 Akta Penyemakan Undang-Undang 1968, Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, dengan kelulusan Jawatankuasa Penyemak Undang-Undang, dengan ini membuat perintah yang berikut: *Akta 1.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penyemakan Undang-Undang (Pegawai-Pegawai Diplomat dan Konsul (Sumpah dan Fee)) 1988** dan hendaklah mempunyai kuatkuasa undang-undang mulai dari 29hb September 1988. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. (a) Tarikh berkuatkuasa Akta Pegawai-Pegawai Diplomat dan Konsul (Sumpah dan Fee) 1959 bagi Malaysia Timur yang tercatat di muka surat 5 adalah dengan ini dibetulkan dengan menggantikan perkataan "4hb November 1965" dengan perkataan "25hb November 1965". Membetulkan Akta 348.

(b) Tarikh berkuatkuasa bagi L.N. 441/65 yang terdapat dalam Senarai Pindaan di muka surat 9 adalah dengan ini dibetulkan dengan menggantikan "4-11-1965" dengan "25-11-1965".

Diperbuat pada 17hb Disember 1988.  
[PN. (SU. 2) 107; PN. (PU<sup>2</sup>) 472.]

**PROFESSOR DATO' (DR) VISU SINNADURAI,  
Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang,**

**REVISION OF LAWS ACT 1968**

**REVISION OF LAWS (DIPLOMATIC AND CONSULAR  
OFFICERS (OATHS AND FEES)) ORDER 1988**

IN exercise of the powers conferred by section 15 of the Revision of Laws Act 1968, the Commissioner of Law Revision, with the approval of the Law Revision Committee, hereby makes the following order: *Act 1.*

1. This Order may be cited as the **Revision of Laws (Diplomatic and Consular Officers (Oaths and Fees)) Order 1988** and shall have the force of law with effect from the 29th September 1988. Citation and effective date.

2. (a) The date of coming into force of the Diplomatic and Consular Officers (Oaths and Fees) Act 1959 for East Malaysia appearing in page 5 is hereby rectified by substituting "25th November 1965" for "4th November 1965". Rectification of Act 348.

(b) The date of coming into force for L.N. 441/65 appearing in the List of Amendments in page 9 is hereby rectified by substituting "25-11-1965" for "4-11-1965".

Made the 17th December 1988.  
[PN. (SU. 2) 107; PN. (PU<sup>2</sup>) 472.]

PROFESSOR DATO' (DR) VISU SINNADURAI,  
*Commissioner of Law Revision*

**P.U. (A) 471.**

**AKTA KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT  
LARANGAN 1959**

**PERINTAH KAWASAN-KAWASAN LARANGAN (No. 5) 1988**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 4 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959, Menteri membuat perintah yang berikut:

Akta 298.

Nama.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawasan-Kawasan Larangan (No. 5) 1988.**

Kawasan-kawasan larangan.

2. Kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam Jadual adalah diisytiharkan menjadi kawasan-kawasan larangan.

Pembatalan.  
P.U. (A)  
362/83.

3. Butiran 4 dalam Jadual kepada Perintah Kawasan-Kawasan Larangan (No. 7) 1983 adalah dibatalkan.

**JADUAL**

<i>Nama Kawasan</i>	<i>Perihal Kawasan</i>
1. Kem Angkatan Tentera Darat, Sungai Buloh	Semua bangunan, pemasangan dan kawasannya yang terkandung dalam pagar dawai rangkai yang terletak dalam kawasan bertanda kelabu meliputi kawasan seluas 146.78645 hektar seperti yang ditunjukkan dalam Pelan Warta No. 659 yang tersimpan di Pejabat Ukur Negeri Selangor Darul Ehsan
2. Stesen Pemancar Radio Malaysia, Jabatan Penyiaran, Jalan Genuang, Segamat, Johor	Semua bangunan, pemasangan dan kawasan yang terkandung dalam kawasan berpagar meliputi kawasan seluas 15.83 hektar di atas Lot No. PTD 80, Jalan Genuang, 5½ km ke arah Selatan dari Bandar Segamat seperti yang ditunjukkan dalam Pelan Warta P.W. 1729.